



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR**

Ruj Kami : FRIM500-3/2/1(24)

Tarikh : 3/10/2024

IKLAN JAWATAN KOSONG
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SIRI 3/2024

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) Jawatan : **Pegawai Penyelidik Gred Q41**
- (b) Bil. Kekosongan : 2 jawatan
- (c) Penempatan : Bahagian Bioteknologi Perhutanan
- (d) Keperluan Bidang: Sains Tanah/Sains Pertanian/Teknologi Kimia/Geologi
- (e) Taraf Jawatan : Tetap
- (f) Jadual Gaji : RM 2,315.00 (Minimum) – RM 9,618.00 (Maksimum)
- (g) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM 225.00
- (h) Imbuhan : (i) Tetap Khidmat Awam : RM300.00
(ii) Tetap Perumahan : RM300.00
(iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00

(i) Syarat Lantikan Wajib:

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(j) Kelayakan Lantikan:

- i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,315.00); atau
- ii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,418.66); atau

- iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,522.44); atau
- iv) Ijazah Sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM2,833.78); atau
- v) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains atau kejuruteraan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41: RM3,145.11); dan

(k) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon lantikan Pegawai Penyelidik Gred Q41 hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia.

(l) Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(j); atau
ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan:
 - i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun.

FRIM500-3/2/1(24)

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/ms/kerjaya/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik *resume* yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.